

D.R. 4/2023

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2023

PINDAAN DALAM JAWATANKUASA

TEKS BAHASA KEBANGSAAN

1. **Tajuk panjang**

Tajuk panjang Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan “dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967” dengan perkataan “, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Kewangan 2018”.

2. **Fasal 2**

Fasal 2 Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543]” dengan perkataan “, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543] dan Akta Kewangan 2018 [Akta 812]”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “IV dan V” dengan perkataan “IV, V dan VI”.

3. **Fasal 3**

Fasal 3 Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subfasal (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “4(a)(i), (ii), (iii) dan (iv)” dengan perkataan “4(a)(i), (ii) dan (iii)”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “, (d) dan (f)” dengan perkataan “dan (d)”; dan
- (b) dalam subfasal (2), dengan menggantikan perkataan “4(a)(v)” dengan perkataan “4(a)(iv)”; dan
- (c) dalam subfasal (3), dengan menggantikan perkataan “16(c) dan (e)” dengan perkataan “16(c), (e) dan (f)”.

4. **Fasal 4**

Fasal 4 Rang Undang-Undang dipinda—

- (a) dalam perenggan (a)—
 - (i) dalam subperenggan (iii), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung subperenggan itu perkataan “dan”; dan
 - (ii) dengan memotong subperenggan (iv); dan
 - (iii) dengan menomborkan semula subperenggan (v) sebagai subperenggan (iv); dan
- (b) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “(h),” perkataan “(ha),”.

5. **Bab baharu VI**

Rang Undang-Undang dipinda dengan memasukkan selepas fasal 27 bab yang berikut:

“BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2018

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Kewangan 2018

28. Bab ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Pindaan seksyen 3

29. Akta Kewangan 2018 dipinda dalam subseksyen 3(3) dengan menggantikan perkataan “dan 2022” dengan perkataan “, 2022, 2023 dan 2024”.

HURAIAN

1. *Perenggan 1* dan *2* bertujuan untuk meminda tajuk panjang dan *fasal 2* Rang Undang-Undang masing-masing untuk memasukkan sebutan tentang Akta Kewangan 2018 (“Akta 812”) sebagai salah satu Akta yang akan dipinda dalam Rang Undang-Undang ini. *Perenggan 2* juga bertujuan untuk memasukkan sebutan tentang Bab baharu VI yang dalamnya pindaan kepada Akta 812 akan diperkatakan.

2. *Perenggan 3* bertujuan untuk meminda *fasal 3* Rang Undang-Undang mengenai permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”) berbangkit daripada peniadaan daripada Rang Undang-Undang pemotongan perenggan 46(1)(k) Akta 53 yang dibuat di bawah *subperenggan 4(a)(iv)* sedia ada

Rang Undang-Undang. *Perenggan* ini juga bertujuan untuk membetulkan kesilapan tipografi berkenaan dengan permulaan kuat kuasa *subperenggan 16(f)* Rang Undang-Undang.

3. *Perenggan 4* bertujuan untuk meniadakan daripada Rang Undang-Undang pemotongan perenggan 46(1)(k) Akta 53 yang dibuat di bawah *subperenggan 4(a)(iv)* sedia ada Rang Undang-Undang dan untuk menomborkan semula *subperenggan 4(a)(v)* sedia ada sebagai *subperenggan 4(a)(iv)*. Ini mengambil kira perubahan terkini dasar Kerajaan untuk terus membenarkan sebagai potongan di bawah Akta 53 amaun yang didepositkan oleh seseorang individu untuk anaknya ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional.

4. *Perenggan 5* bertujuan untuk memasukkan Bab baharu VI ke dalam Rang Undang-Undang. Di bawah Bab ini, subseksyen 3(3) Akta 812 dipinda untuk mengadakan peruntukan bagi suatu pelanjutan masa dari tahun taksiran 2022 sehingga tahun taksiran 2024 bagi suatu amaun potongan yang didepositkan oleh seseorang individu untuk anaknya ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional.

D.R. 4/2023

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2023

SUSUNAN FASAL

BAB I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas
2. Pindaan Akta

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967
4. Pindaan seksyen 46
5. Pindaan seksyen 49
6. Pindaan seksyen 77
7. Pindaan seksyen 77A
8. Pindaan seksyen 77B
9. Pindaan seksyen 83
10. Pindaan seksyen 86
11. Pindaan seksyen 97A
12. Pindaan seksyen 103
13. Pindaan seksyen 107B
14. Pindaan seksyen 107D
15. Pindaan seksyen 131A
16. Pindaan Jadual 1
17. Pindaan Jadual 3

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Fasal

18. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976
19. Pindaan Jadual 2

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

20. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Setem 1949
21. Pindaan Jadual Pertama

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

22. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967
23. Pindaan seksyen 30
24. Pindaan seksyen 30A
25. Pindaan seksyen 30B
26. Seksyen baharu 30C
27. Pindaan seksyen 82A

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAB I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan 2023.

Pindaan Akta

2. Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*], Akta Setem 1949 [*Akta 378*] dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*] dipinda mengikut cara yang dinyatakan masing-masing dalam Bab II, III, IV dan V.

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967

3. (1) Seksyen 5, 12, 13 dan 17, subperenggan 4(a)(i), (ii), (iii) dan (iv) dan perenggan 4(b), 16(a), (b), (d) dan (f) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Subperenggan 4(a)(v) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024.

(3) Seksyen 6, 7, 8, 9 dan 10 dan perenggan 16(c) dan (e) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(4) Seksyen 11, 14 dan 15 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

Pindaan seksyen 46

4. Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 46—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (b) proviso kepada perenggan (g), dengan menggantikan perkataan “eight thousand ringgit” dengan perkataan “ten thousand ringgit”;

(ii) dalam proviso kepada perenggan (h), dengan menggantikan perkataan “eight thousand ringgit” dengan perkataan “ten thousand ringgit”;

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:

“(ha) an amount limited to a maximum of four thousand ringgit expended or deemed expended under subsection (3) in that basis year by that individual on his child

who at any time in that basis year is of the age of eighteen years and below, in respect of—

- (i) assessment for the purpose of diagnosis of learning disability certified by a medical practitioner registered with the Malaysian Medical Council; or
- (ii) early intervention programme or rehabilitation treatment for learning disability conducted by an allied health practitioner in the field of learning disability registered under the Allied Health Professions Act 2016:

Provided that—

- (a) the claim is evidenced by a receipt and certification issued by the medical practitioner that the assessment for the purpose of diagnosis was provided to the child and that the child is diagnosed with learning disability;
- (b) the claim is evidenced by a receipt and certification issued by the allied health practitioner that the early intervention programme or rehabilitation treatment was provided to the child;
- (c) the assessment for the purpose of diagnosis, early intervention programme or rehabilitation treatment

which qualify for deduction are for the following learning disabilities:

- (i) autism spectrum disorder;
 - (ii) attention deficit hyperactivity disorder;
 - (iii) global developmental delay;
 - (iv) intellectual disability;
 - (v) down syndrome; and
 - (vi) specific learning disability;
- (d) the assessment for the purpose of diagnosis, early intervention programme and rehabilitation treatment are provided in Malaysia;
- (e) the maximum amount of deduction under this paragraph shall apply notwithstanding that that individual may have more than one child; and
- (f) the deduction under this paragraph shall be part of the amount limited to a maximum of ten thousand ringgit in paragraph (g);”;

(iv) dengan memotong perenggan (k); dan

(v) dalam perenggan (c) proviso kepada perenggan (r), dengan menggantikan perkataan “until 2023” dengan perkataan “until 2024”; dan

(b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “(k)” dengan perkataan “(ha)”.

Pindaan seksyen 49**5. Seksyen 49 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “any insurance” perkataan “or any voluntary contribution made by that individual to the Employees Provident Fund or for both”; dan
- (ii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “in respect of” perkataan “voluntary or obligatory”;

(b) dalam subseksyen (1A)—

- (i) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) the total amount of deduction for voluntary contribution to the Employees Provident Fund under paragraph (1)(a) shall not include the amount of deduction for voluntary contribution to the Employees Provident Fund under paragraph (1)(b) made by an individual who is an employee or a self-employed person within the meaning of the Employees Provident Fund Act 1991, or a pensionable officer within the meaning of section 2 of the Pensions Act 1980;”;

- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan koma bernoktah di hujung perenggan itu dengan noktah; dan
- (iii) dengan memotong perenggan (c); dan

(c) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “other than voluntary contributions” perkataan “to the Employees Provident Fund”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “a self-employed person within the meaning of the Employees Provident Fund Act 1991 or a pensionable officer within the meaning of section 2 of the Pensions Act 1980” dengan perkataan “any individual”.

Pindaan seksyen 77

6. Seksyen 77 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1A) subseksyen yang berikut:

“(1B) For the purposes of this section, the person referred to in subsection (1) shall furnish to the Director General a return in the prescribed form on an electronic medium or by way of electronic transmission in accordance with section 152A.”.

Pindaan seksyen 77A

7. Subseksyen 77A(1A) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “a company and a limited liability partnership” dengan perkataan “a company, limited liability partnership, trust body and co-operative society”.

Pindaan seksyen 77B

8. Seksyen 77B Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) For the purposes of this section, a person who is a company, limited liability partnership, trust body and co-operative society shall furnish to the Director General an amended return in the prescribed form on an electronic medium or by way of electronic transmission in accordance with section 152A.”.

Pindaan seksyen 83

9. Subseksyen 83(1B) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “a company,” perkataan “limited liability partnership, trust body or co-operative society,”.

Pindaan seksyen 86

10. Seksyen 86 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) For the purposes of this section, the person referred to in paragraphs (1)(a) and (b) shall furnish to the Director General a return in the prescribed form on an electronic medium or by way of electronic transmission in accordance with section 152A.”.

Pindaan seksyen 97A

11. Subperenggan 97A(5)(b)(iii) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “subsection 107A(2)” perkataan “, 107D(3)”.

Pindaan seksyen 103

12. Seksyen 103 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “Where” dengan perkataan “Subject to subsection (7), where”; dan
- (b) dalam subseksyen (7), dengan menggantikan perkataan “subsection (2)” dengan perkataan “subsection (1), (1A) or (2)”.

Pindaan seksyen 107B

13. Proviso kepada subseksyen 107B(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “not later than the thirtieth day of June” dengan perkataan “once not later than the thirtieth day of June or once not later than the thirty first day of October, or both”.

Pindaan seksyen 107D**14. Subseksyen 107D(1) Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “the payer shall upon paying or crediting such payments” perkataan “in a calendar month”;
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “two per cent of the payments on account of tax” perkataan “for that year of assessment”;
- (c) dengan memotong perkataan “for any year of assessment”; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan “within thirty days” dengan perkataan “not later than the end of the following calendar month”.

Pindaan seksyen 131A

15. Perenggan 131A(1)(c) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “107A(2)” perkataan “, 107D(3)”.

Pindaan Jadual 1**16. Bahagian I Jadual 1 kepada Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan 1, dengan menggantikan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan kadar cukai pendapatan dengan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan kadar cukai pendapatan yang berikut:

<i>“Chargeable income</i>	<i>RM</i>	<i>Rate of income tax</i>
For every ringgit of the first	5,000	0 per cent
For every ringgit of the next	15,000	1 per cent
For every ringgit of the next	15,000	3 per cent

For every ringgit of the next	15,000	6 per cent
For every ringgit of the next	20,000	11 per cent
For every ringgit of the next	30,000	19 per cent
For every ringgit of the next	300,000	25 per cent
For every ringgit of the next	200,000	26 per cent
For every ringgit of the next	1,400,000	28 per cent
For every ringgit exceeding	2,000,000	30 per cent”;

- (b) dalam perenggan 2A, dengan menggantikan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan kadar cukai pendapatan dengan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan kadar cukai pendapatan yang berikut:

<i>“Chargeable income</i>	<i>RM</i>	<i>Rate of income tax</i>
For every ringgit of the first	150,000	15 per cent
For every ringgit of the next	450,000	17 per cent
For every ringgit exceeding	600,000	24 per cent”;

- (c) dalam perenggan 2B—

- (i) dalam subperenggan (b), dengan memotong perkataan “or” di hujung subperenggan itu;
- (ii) dalam subperenggan (c), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan “; or”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (c) subperenggan yang berikut:

“(d) twenty per cent of the paid-up capital in respect of ordinary shares of the company at the beginning of the basis period for a year of assessment is directly or indirectly owned by one or more companies incorporated outside Malaysia or by one or more individuals who are not citizens of Malaysia.”;

- (d) dalam perenggan 2D, dengan menggantikan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan kadar cukai pendapatan dengan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan kadar cukai pendapatan yang berikut:

<i>“Chargeable income</i>	<i>RM</i>	<i>Rate of income tax</i>
For every ringgit of the first	150,000	15 per cent
For every ringgit of the next	450,000	17 per cent
For every ringgit exceeding	600,000	24 per cent”;

- (e) dalam perenggan 2E—

- (i) dalam subperenggan (b), dengan memotong perkataan “or” di hujung subperenggan itu;
- (ii) dalam subperenggan (c), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan “; or”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (c) subperenggan yang berikut:

“(d) twenty per cent of the capital contribution (whether in cash or in kind) of the limited liability partnership at the beginning of the basis period for a year of assessment is directly or indirectly contributed by one or more companies incorporated outside Malaysia or by one or more individuals who are not citizens of Malaysia.”; dan

- (f) dalam perenggan 2F, dengan memasukkan selepas perkataan “subparagraph 2E(c)” perkataan “and the company or companies incorporated outside Malaysia referred to in subparagraph 2E(d)”.

Pindaan Jadual 3**17. Jadual 3 kepada Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menomborkan semula perenggan 70A sedia ada sebagai subperenggan 70A(1);
- (b) dalam subperenggan 70A(1) yang dinomborkan semula, dengan memotong perkataan “, an intangible asset,”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan 70A(1) yang dinomborkan semula subperenggan yang berikut:

“(2) Notwithstanding subparagraph (1), the Minister may prescribe any other assets as assets which are excluded from the definition of “plant”.”.

BAB III**PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA
TANAH 1976****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan
Harta Tanah 1976**

18. Bab ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Pindaan Jadual 2**19. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dipinda dalam
Jadual 2—**

(a) dalam perenggan 3—

(i) dalam subsubperenggan (1)(b)—

(A) dalam subsubsubperenggan (i), dengan memotong perkataan “atau” di hujung subsubsubperenggan itu;

(B) dengan memasukkan selepas subsubsubperenggan (i) subsubsubperenggan yang berikut:

“(ia) pemindahmilikan aset antara bekas suami isteri menurut suatu perintah oleh mana-mana mahkamah berikutan dengan pembubaran atau pembatalan perkahwinan mereka; atau”; dan

(C) dalam subsubsubperenggan (ii), dengan menggantikan perkataan “kepada suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia atau tidak” dengan perkataan “kepada suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia”; dan

(ii) dalam subperenggan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “suami isteri” perkataan “atau bekas suami isteri”; dan

(b) dalam subperenggan 19(5), dengan menggantikan perkataan “oleh suami/isteri” dengan perkataan “oleh suami atau isteri atau bekas suami atau bekas isteri”.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Setem 1949

20. (1) Perenggan 21(a) mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2023.

(2) Perenggan 21(b) dan (c) mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Pindaan Jadual Pertama

21. Akta Setem 1949 dipinda dalam Jadual Pertama—

(a) dalam subbutiran 22(4), dengan memasukkan selepas perkataan “higher educational institutions” perkataan “or pursuing any course of study in any institution”;

- (b) dalam subbutiran 27(d), dengan memasukkan sebelum perkataan “, pursuant to an agreement for discounting invoices or hire purchase receivables” perkataan “or any statutory body, agency of the Government or of the State Government, or any company in which the Government or the State Government has interest, which provides financing to a small and medium enterprise”; dan
- (c) dalam subbutiran 32(c), dengan memasukkan sebelum perkataan “, pursuant to a factoring agreement” perkataan “or any statutory body, agency of the Government or of the State Government, or any company in which the Government or the State Government has interest, which provides financing to a small and medium enterprise”.

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967

22. Bab ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan seksyen 30

23. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen 30(1) subseksyen yang berikut:

“(1A) For the purposes of this section, a chargeable person shall furnish to the Director General a return in the prescribed form on an electronic medium or by way of electronic transmission in accordance with section 82A.”.

Pindaan seksyen 30A

24. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen 30A(1) subseksyen yang berikut:

“(1A) For the purposes of this section, a chargeable person shall furnish to the Director General a return in the prescribed form on an electronic medium or by way of electronic transmission in accordance with section 82A.”.

Pindaan seksyen 30B

25. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen 30B(1) subseksyen yang berikut:

“(1A) For the purposes of this section, a chargeable person shall furnish to the Director General an amended return in the prescribed form on an electronic medium or by way of electronic transmission in accordance with section 82A.”.

Seksyen baharu 30C

26. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 30B seksyen yang berikut:

“Amendment of return on expenditure during exploration period

30c. (1) Where for an exploration period a chargeable person has furnished a return in accordance with subsection 30A(1), that person may make amendment to such return in an amended return as prescribed by the Director General in respect of the amount of exploration expenditure incurred by that chargeable person in relation to petroleum operations in the exploration period.

(2) An amended return under subsection (1) shall only be made after the due date for the furnishing of the return pursuant to subsection 30A(1), but not later than six months from that date.

(3) For the purposes of this section, the amended return shall—

- (a) specify the amount or additional amount of exploration expenditure incurred by that chargeable person in relation to petroleum operations in that period; or
- (b) contain such particulars as may be required by the Director General.

(4) The amendment under subsection (1) shall only be made once.”.

Pindaan seksyen 82A

27. Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen 82A(1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Any chargeable person—

- (a) shall, if so required under this Act; or
- (b) may, if so allowed by the Director General,

furnish any form prescribed under this Act (in this section referred to as the “prescribed form”) on an electronic medium or by way of an electronic transmission.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”), Akta Setem 1949 (“Akta 378”) dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”).

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

2. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 46 Akta 53.

Subperenggan 4(a)(i) bertujuan untuk meminda perenggan (b) proviso kepada perenggan 46(1)(g) Akta 53 untuk menaikkan had amaun keseluruhan potongan perseorangan daripada lapan ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit bagi perbelanjaan yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan di bawah perenggan 46(1)(g) Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subperenggan 4(a)(iii) bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 46(1)(ha) ke dalam Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi potongan perseorangan bagi suatu amaun yang terhad kepada maksimum empat ribu ringgit bagi perbelanjaan yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan oleh seseorang individu atas anaknya yang berumur lapan belas tahun dan ke bawah untuk penilaian bagi tujuan diagnosis, program intervensi awal atau rawatan rehabilitasi bagi kurang upaya pembelajaran sebagaimana yang dinyatakan. Amaun maksimum empat ribu ringgit hendaklah terpakai tanpa mengambil kira bilangan anak individu tersebut. Potongan di bawah perenggan ini hendaklah menjadi sebahagian daripada amaun maksimum potongan perseorangan yang dinyatakan dalam perenggan 46(1)(g) Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subperenggan 4(a)(iv) bertujuan untuk memotong perenggan 46(1)(k) Akta 53 memandangkan amaun yang dideposit oleh individu bagi anaknya ke dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional tidak lagi boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subperenggan 4(a)(v) bertujuan untuk meminda perenggan (c) proviso kepada perenggan 46(1)(r) Akta 53 untuk melanjutkan tempoh dari tahun taksiran 2023 kepada tahun taksiran 2024 bagi potongan lanjutan sebanyak satu ribu ringgit berkenaan dengan bayaran fi asuhan kanak-kanak kepada taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] atau tadika yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] bagi kanak-kanak yang berumur enam tahun dan ke bawah.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024.

3. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 49 Akta 53.

Subperenggan 5(a)(i) bertujuan untuk meminda perenggan 49(1)(a) Akta 53 untuk memperluas skop potongan perseorangan seseorang individu di bawah perenggan itu kepada caruman sukarela yang dibuat oleh mana-mana individu kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subperenggan 5(a)(ii) bertujuan untuk meminda perenggan 49(1)(b) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa potongan yang dibenarkan di bawah perenggan itu adalah berkenaan dengan caruman sukarela atau wajib yang dibuat kepada skim yang diluluskan selain skim persaraan swasta.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subperenggan 5(b)(i) bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 49(1A)(aa) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jumlah amaun potongan bagi caruman sukarela kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah perenggan 49(1)(a) Akta 53 tidak termasuk amaun potongan bagi caruman sukarela kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah perenggan 49(1)(b) Akta 53 yang dibuat oleh individu yang merupakan seorang pekerja atau orang yang bekerja sendiri mengikut pengertian Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452], atau pegawai yang berpujian mengikut pengertian seksyen 2 Akta Pencen 1980 [Akta 227].

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Perenggan 5(c) bertujuan untuk meminda subseksyen 49(2) Akta 53 selaras dengan peluasan skop potongan yang dibenarkan di bawah subseksyen 49(1) Akta 53 bagi mana-mana individu yang membuat caruman sukarela kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

4. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 77(1B) ke dalam Akta 53 untuk menghendaki seseorang selain syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi untuk mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata pendapatan dalam borang yang ditetapkan melalui perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik mengikut seksyen 152A Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

5. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 77A(1A) Akta 53 untuk memperluas kehendak bagi pengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata pendapatan dalam borang yang ditetapkan melalui perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik mengikut seksyen 152A Akta 53 kepada suatu badan amanah atau koperasi.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

6. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 77B(1A) ke dalam Akta 53 untuk menghendaki sesuatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi untuk mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata pendapatan terpindanya dalam borang yang ditetapkan melalui perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik mengikut seksyen 152A Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

7. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 83(1B) Akta 53 untuk memperluas kehendak bagi pengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata oleh majikan dalam borang yang ditetapkan melalui perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik mengikut seksyen 152A Akta 53 kepada majikan yang merupakan suatu perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

8. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 86(1A) ke dalam Akta 53 untuk menghendaki seseorang yang disebut dalam perenggan 86(1)(a) dan (b) Akta 53 untuk mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata oleh perkongsian dalam borang yang ditetapkan melalui perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik mengikut seksyen 152A Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

9. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda subperenggan 97A(5)(b)(iii) Akta 53 untuk memperluas skop pemakaian bagi relif di bawah subperenggan itu bagi penyata yang dikatakan tidak tepat disebabkan oleh potongan yang tidak dibenarkan berkenaan dengan bayaran yang belum genap masanya untuk dibayar di bawah subseksyen 107D(3) Akta 53.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

10. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 103 Akta 53.

Perenggan 12(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 103(3) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa amaun cukai yang genap masanya dan kena dibayar di bawah subseksyen 103(3) Akta 53 yang telah tidak dibayar dan kenaikan bersamaan sepuluh peratus daripada cukai yang tidak dibayar itu hendaklah tertakluk kepada bayaran secara ansuran sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen 103(7) Akta 53.

Perenggan 12(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 103(7) Akta 53 untuk memperluas pemakaian bayaran secara ansuran sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah bagi bayaran cukai atau cukai tambahan yang genap masanya dan kena dibayar di bawah subseksyen 103(1) dan (1A) Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

11. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda proviso kepada subseksyen 107B(2) Akta 53. Pada masa kini, di bawah proviso kepada subseksyen 107B(2) Akta 53, seseorang selain syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi boleh membuat permohonan kepada Ketua Pengarah untuk mengubah amaun yang dibayar secara ansuran berhubung dengan cukai dan bilangan ansuran pada bila-bila masa tidak lewat daripada hari ketiga puluh bulan Jun dalam tahun taksiran itu. Dengan pindaan ini, permohonan itu boleh dibuat sekali sebelum hari ketiga puluh bulan Jun atau sekali sebelum hari ketiga puluh satu bulan Oktober atau kedua-duanya dalam tahun taksiran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

12. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda subseksyen 107D(1) Akta 53. Pada masa kini, di bawah subseksyen ini, syarikat yang membuat bayaran dalam bentuk wang kepada ejen, peniaga atau pengedar berbangkit daripada jualan, transaksi atau skim yang dijalankan oleh ejen, peniaga atau pengedar itu dikehendaki untuk memotong daripada bayaran itu, cukai pada kadar dua peratus berhubung dengan cukai dan membuat bayaran cukai itu kepada Ketua Pengarah dalam tempoh tiga puluh hari selepas membayar atau mengkredit bayaran itu. Dengan pindaan ini, pembayaran itu hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada akhir bulan kalendar yang berikutnya selepas membayar atau mengkredit bayaran itu dalam suatu bulan kalendar.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

13. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda perenggan 131A(1)(c) Akta 53 untuk memperluas skop pemakaian bagi relif di bawah seksyen 131A Akta 53 bagi taksiran yang dikatakan berlebihan disebabkan oleh potongan yang tidak dibenarkan berkenaan dengan bayaran yang belum genap masanya untuk dibayar di bawah subseksyen 107D(3) Akta 53.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

14. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda Jadual 1 kepada Akta 53.

Perenggan 16(a) bertujuan untuk meminda perenggan 1 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan kadar cukai pendapatan baharu yang terpakai bagi individu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Perenggan 16(b) bertujuan untuk meminda perenggan 2A Bahagian I Jadual 1 kepada Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan kadar cukai pendapatan baharu yang terpakai bagi syarikat yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan syer biasa sebanyak dua juta lima ratus ribu ringgit dan kurang dan pendapatan kasar daripada sumber perniagaan tidak melebihi lima puluh juta ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Perenggan 16(c) bertujuan untuk meminda perenggan 2B Bahagian I Jadual 1 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa kadar cukai keutamaan yang dinyatakan dalam perenggan 2A tidak terpakai bagi suatu syarikat jika lebih daripada dua puluh peratus modal berbayarnya berkenaan dengan syer biasa syarikat itu adalah secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh satu atau lebih syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia atau dimiliki oleh seorang individu atau lebih yang bukan warganegara Malaysia.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Perenggan 16(d) bertujuan untuk meminda perenggan 2D Bahagian I Jadual 1 kepada Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan kadar cukai pendapatan baharu yang terpakai bagi perkongsian liabiliti terhad yang bermastautin di Malaysia yang mempunyai jumlah sumbangan modal (sama ada dalam bentuk tunai atau barangan) sebanyak dua juta lima ratus ribu ringgit dan kurang dan pendapatan kasar daripada sumber perniagaan tidak melebihi lima puluh juta ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Perenggan 16(e) bertujuan untuk meminda perenggan 2E Bahagian I Jadual 1 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa kadar cukai keutamaan yang dinyatakan dalam perenggan 2D tidak terpakai bagi perkongsian liabiliti terhad jika lebih daripada dua puluh peratus sumbangan modal perkongsian liabiliti terhad itu (sama ada dalam bentuk tunai atau barangan) disumbangkan secara langsung atau tidak langsung oleh satu atau lebih syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia atau disumbangkan oleh seorang individu atau lebih yang bukan warganegara Malaysia.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

15. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda perenggan 70A Jadual 3 kepada Akta 53 untuk memotong sebutan mengenai perkataan “intangible asset” dalam takrif “plant” dan untuk memberikan kuasa kepada Menteri untuk menetapkan apa-apa aset lain sebagai aset yang tidak termasuk dalam takrif “plant”.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

16. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda perenggan 3 Jadual 2 kepada Akta 169.

Subsubperenggan 19(a)(i)(B) bertujuan untuk memasukkan subsubsubperenggan 3(1)(b)(ia) baharu ke dalam Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa pemindahmilikan aset antara bekas suami dan isteri menurut suatu perintah oleh mana-mana mahkamah berikutan dengan pembubaran atau pembatalan perkahwinan mereka sebagai salah satu transaksi yang harga lupusan aset yang boleh dikenakan cukai disifatkan sebagai sama dengan harga perolehan aset itu.

Subsubperenggan 19(a)(i)(C) bertujuan untuk meminda subsubsubperenggan 3(1)(b)(ii) Akta 169 untuk memperuntukkan, berkenaan dengan pemindahmilikan aset yang dimiliki oleh seseorang yang disebut dalam subsubsubperenggan 3(1)(b)(ii) Akta 169 kepada suatu syarikat yang mana harga lupusan aset yang boleh dikenakan cukai disifatkan sebagai sama dengan harga perolehan aset itu berkenaan dengan transaksi itu, syarikat itu hendaklah syarikat yang diperbadankan di Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949.

17. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 378.

Perenggan 21(a) bertujuan untuk meminda subbutiran 22(4) Jadual Pertama kepada Akta 378 untuk memperluas pengenaan duti setem sebanyak RM10 ke atas surat cara yang merupakan sekuriti pembayaran atau pembayaran balik wang bagi maksud mengikuti mana-mana kursus pengajian di mana-mana institusi. Oleh itu, amaun duti setem yang dikenakan adalah sama dengan duti setem yang dikenakan bagi surat cara yang merupakan sekuriti pembayaran atau pembayaran balik wang bagi maksud melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Jun 2023.

Perenggan 21(b) bertujuan untuk meminda subbutiran 27(d) Jadual Pertama kepada Akta 378 untuk memperluas pengenaan duti setem sebanyak RM10 ke atas gadaian, gadai janji, penyerahhakan melalui sekuriti akaun belum terima kepada mana-mana badan berkanun, agensi Kerajaan atau Kerajaan Negeri, atau mana-mana syarikat yang Kerajaan atau Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan, yang menyediakan pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana.

Perenggan 21(c) bertujuan untuk meminda subbutiran 32(c) Jadual Pertama kepada Akta 378 untuk memperluas pengenaan duti setem sebanyak RM10 ke atas bil jualan mutlak bagi akaun belum terima atau buku hutang menurut perjanjian pemfaktoran kepada mana-mana badan berkanun, agensi Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, atau mana-mana syarikat yang Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan, yang menyediakan pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

18. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 543 untuk memasukkan subseksyen baharu 30(1A) ke dalam Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa orang yang boleh dikenakan cukai hendaklah mengemukakan penyata di bawah seksyen 30 Akta 543 melalui perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik.

19. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 30A Akta 543 untuk memasukkan subseksyen baharu 30A(1A) ke dalam Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa orang yang boleh dikenakan cukai hendaklah mengemukakan penyata perbelanjaan yang dilakukan oleh orang yang boleh dikenakan cukai itu semasa tempoh cari gali di bawah seksyen 30A Akta 543 melalui perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik.

20. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda seksyen 30B Akta 543 untuk memasukkan subseksyen baharu 30B(1A) ke dalam Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa orang yang boleh dikenakan cukai hendaklah mengemukakan penyata terpinda di bawah seksyen 30B Akta 543 melalui perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik.

21. *Fasal 26* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 30C ke dalam Akta 543 untuk membolehkan orang yang boleh dikenakan cukai yang telah mengemukakan penyata bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh orang yang boleh dikenakan cukai itu semasa tempoh cari gali di bawah seksyen 30A Akta 543 untuk membuat pindaan kepada penyata melalui penyata terpinda. Orang yang boleh dikenakan cukai itu boleh meminda penyatanya tidak lewat daripada enam bulan dari tarikh akhir pemfailan penyatanya dan pindaan itu hanya boleh dibuat sekali.

22. *Fasal 27* bertujuan untuk menggantikan subseksyen 82A(1) Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa orang yang boleh dikenakan cukai hendaklah, jika dikehendaki di bawah Akta 543, atau boleh, jika dibenarkan oleh Ketua Pengarah, mengemukakan apa-apa borang yang ditetapkan di bawah Akta 543 melalui perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik.

Pindaan ini mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

AM

23. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3317]